KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	011.03.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			

Pemuda pecut motosikal dikejar harimau

PERHILITAN Terengganu akan jalankan siasatan, penduduk perlu waspada

Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my

Dungun: "Saya nekad memecut motosikal sambil berdoa agar selamat," kata Mohd Shafiq Mamat, menceritakan detik cemas dia dikejar seekor harimau belang, malam kelmarin.

Mohd Syafiq, 27, yang bekerja sebagai penghantar makanan berkata, kejadian itu berlaku di belakang Taman Bersekutu, kira-kira jam 8.40 malam.

Katanya, ketika kejadian, dia menunggang motosikal bersendirian baru selesai menghantar makanan seorang pelanggan yang tinggal di sebuah taman perumahan di situ.

"Saya melalui jalan itu sebagai jalan pintas untuk pulang ke rumah saya di Taman Permint kira-kira tiga kilometer dari tempat kejadian.

"Ketika membelok ke kanan jalan, saya terkejut melihat seekor harimau setinggi kira-kira 0.5 meter keluar dari kawasan semak dan terus cuba menerkam saya," katanya.

Terkejut dengan kehadiran harimau itu, dia terus memecut kenderaannya dengan laju.

"Ketika menoleh ke belakang, saya dapati harimau itu masih mengejar dalam jarak kira-kira lima meter. Saya terus memecut sehinggalah harimau itu hilang dari pandangan dan sampai ke rumah dalam ketakutan," katanya.

Mohd Syafiq percaya harimau itu datang dari arah hutan Bukit Bauk kerana jarak lokasi kejadian tidak jauh dari hutan terbabit.

"Bukan saya sahaja melalui jalan itu, malah penduduk di Jalan Lapangan Terbang dan Kampung Sura turut kerap melaluinya kerana ia adalah jalan pintas," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Terengganu, Loo Kean Seong, berkata pihaknya akan menjalankan siasatan berhubung kemunculan harimau berkenaan.

Katanya, setakat ini pihaknya belum menerima laporan rasmi namun akan segera menghantar kakitangannya untuk menyiasat.

"Pihak kami ada membaca laporan berhubung dakwaan pemuda itu dikejar harimau melalui laman sosial Facebook dan kami sudah menghantar kakitangan untuk menyiasat," katanya.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Baharudin Abdullah pula berkata, penduduk di sekitar kawasan itu perlu berwaspada bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Beliau tidak menolak kemungkinan harimau itu datang dari kawasan hutan Bukit Bauk memandangkan ia terletak kira-kira 200 meter dengan penempatan penduduk di situ.

Dalam pada itu, penduduk kampung, Roslan Mohamad, 60, berkata kejadian kemunculan harimau itu adalah kejadian pertama kali berlaku.

"Tidak pernah penduduk kampung dengar ada penduduk ternampak atau dikejar harimau selama 20 tahun tinggal di sini," katanya.

Beliau berkata, di perkampungan itu, ada penduduk mengusahakan ternakan kambing, selain babi yang banyak berkeliaran di situ.



Mohd Syafiq menunjukkan ketinggian harimau di lokasi beliau dikejar haiwan itu di belakang Taman Bersekutu, Dungun, malam kelmarin. (Foto Rosli Ilham/BH)

